

**Koperasi Sekolah Digalakkan Terokai Bidang Peruncitan Tingkatkan Ekonomi Sekolah
Bernama
29 Mac, 2012**

KUALA TERENGGANU, 29 Mac (Bernama) -- Koperasi sekolah di negara ini perlu mencari ruang dan peluang untuk menerokai bidang peruncitan barangan keperluan harian dalam usaha menambah pendapatan koperasi dan meningkatkan ekonomi sekolah.

Timbalan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pada masa ini koperasi sekolah di negara ini didapati kurang menerokai bidang peruncitan.

"Kalau kita lihat sekarang ini, koperasi sekolah kebanyakan hanya terlibat dengan jualan barangan alat tulis kepada pelajar. Jadi sekarang ini kita mahu koperasi keluar dari kepompong dan menceburi dalam banyak bidang.

"Ini termasuk mencari ruang dan peluang kepada pasaran barang-barang yang dikeluarkan koperasi 1Malaysia seperti susu, beras, biskut dan lain-lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Taklimat Program Koperasi Sekolah 2012 peringkat negeri yang dihadiri lebih 100 guru dan pegawai koperasi sekolah-sekolah Terengganu di sini, Khamis.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655730>